

18/04/1997

Umat Islam dihormati jika adil

KUALA LUMPUR, Khamis - Umat Islam perlu maju dalam pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat supaya orang lain memandang tinggi kepada agama Islam dan penganutnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita yakin jika orang Islam berjaya dan maju serta bersikap adil, orang lain akan memandang tinggi dan menyanjung kita dan agama kita," kata Perdana Menteri dalam perutusan Aidiladha, yang disambut di negara ini, esok.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan Selamat Aidiladha kepada semua muslimin dan muslimat.

Beliau berkata keganasan dan sikap suka bermusuhan-musuhan tidak menjadikan agama dan umat Islam dihormati dan dipandang mulia.

Mereka harus membuktikan bahawa sebagai penduduk sebuah negara Islam, mereka bukan sahaja progresif dan dinamik tetapi juga sanggup bertolak ansur dan adil terhadap orang lain.

Perdana Menteri juga berkata, sebagai negara Islam yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama, kestabilan negara ini membuktikan kemampuan orang Islam mentadbir dengan adil serta berkesan.

Pentadbiran yang ditunjangi orang Islam jelas mampu membangunkan negara lebih pesat daripada kebanyakan negara lain dan ini membuktikan kemampuan orang Islam tidak kurang daripada kemampuan orang lain.

Dr Mahathir berkata jika ada negara Islam yang tidak stabil dan tidak dibangunkan dengan baik, itu kerana umat Islam tidak mahu menerima dan mengamalkan cara-cara yang ditunjukkan oleh agama Islam.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka cuba bersikap melampau dan tidak bertolak-ansur kononnya kerana agama Islam menyuruh orang Islam bermusuhan dengan semua orang bukan Islam.

Sehubungan itu beliau mengingatkan umat Islam supaya tidak bersikap melampau agar negara tetap aman dan membolehkan Malaysia terus maju serta disanjung, bukan sahaja oleh negara Islam, tetapi negara bukan Islam.

Beliau mahu umat Islam sentiasa mengamalkan sikap sanggup berkorban demi kejayaan umat dan agama Islam.

"Jika umat Islam negara ini sentiasa sanggup berkorban bagi kesejahteraan agama, bangsa dan negara, umat Islam dan agama Islam akan lebih dihormati oleh dunia," katanya.

Dr Mahathir juga meminta umat Islam sama-sama mendoakan jemaah haji Malaysia yang berada di Tanah Suci dilindungi Allah dan selamat menunaikan fardu haji.

(END)